



6

Jabatan Bendahari

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld X

Tarikh : 24 Mei 2010

PEKELILING BENDAHARI BIL 14/2010

Semua Dekan/Pengarah/Ketua
Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian
Universiti Kebangsaan Malaysia

**PENJELASAN POLISI KOS TAK LANGSUNG (OVERHEAD COST) KEPADA
PROJEK-PROJEK PENYELIDIKAN****1. TUJUAN**

- 1.1. Tujuan surat pekeliling ini ialah untuk menjelaskan polisi yang diperkenalkan oleh universiti melalui Pekeliling Bendahari Bil. 5/2010 iaitu mengenai polisi caj kos tak langsung (overhead costs) universiti kepada projek-projek penyelidikan dan aktiviti perniagaan di Universiti.
- 1.2. Polisi ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Universiti dan Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 4 Tahun 2009 bertarikh 2 Disember 2009 .
- 1.3. Dokumen ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum kos tak langsung prinsip-prinsip dan dasar untuk fakulti, dan kakitangan di UKM.

2. PENGENALAN

- 2.1. Polisi ini diperkenalkan berdasarkan kepada prinsip pemulihan kos seperunya (total cost recovery), dalam konteks ini jumlah kos adalah termasuk kos tak langsung. Kos tidak langsung juga boleh di maksudkan sebagai kos pentadbiran dan fasiliti.
- 2.2. Tujuan polisi kos tak langsung (overhead cost) diperkenalkan ialah bagi mengiktiraf dan mendapatkan semula kos yang ditanggung oleh universiti didalam menyokong aktiviti penyelidikan.
- 2.3. Polisi kos tak langsung ini berperanan sebagai mekanisma untuk mengiktiraf dan mendapatkan semula kos pentadbiran dan fasiliti yang telah dibelanjakan oleh universiti dalam aktiviti penyelidikan.

- 2.4. Kebanyakan daripada universiti penyelidikan terkemuka dunia mengenakan caj kos tak langsung kepada agensi pembiaya untuk mengambil kira perbelanjaan seperti pentadbiran, susutnilai, penyelenggaraan bangunan dan kemudahan.
- 2.5. Kos ini tidak boleh dikaitkan secara langsung kepada projek penyelidikan tertentu, Universiti mengambil pendekatan supaya kos ini diambil secara agregat oleh semua projek penyelidikan dan mengagihkan semula berdasarkan kepada formula yang telah ditetapkan.

3. **Takrifan kos tak langsung.**

- 3.1. Dalam setiap agensi penyelidikan, sebahagian besar kos perlu diperuntukkan dalam menyediakan infrastruktur fizikal yang diperlukan dan sokongan pentadbiran. Kos keseluruhan bagi menjalankan sesuatu projek penyelidikan hendaklah diambil kira, dalam hal ini kos tak langsung hendaklah dicaj kepada geran penyelidikan.
- 3.2. Konsep kos langsung dan tidak langsung ini diterapkan dalam hampir setiap perniagaan. Di restoran, misalnya, kos tak langsung termasuk sewa, bil elektrik dan air serta insuran. Harga makanan yang dikenakan hendaklah merangkumi kos langsung, kos tidak langsung, dan juga keuntungan.
- 3.3. Prinsip pemulihan jumlah kos ini membolehkan universiti menampung pembiayaan untuk infrastruktur yang diperlukan secara berterusan.
- 3.4. Kos Langsung boleh didifinisikan sebagai kos-kos yang boleh dikenalpasti secara khusus kepada projek, sebaliknya kos tak langsung ditakrifkan sebagai umum dan mempunyai objektif yang dikongsi bersama, Oleh kerana itu ianya tidak dapat dikenalpasti dengan mudah dan secara khusus kepada projek tertentu.
- 3.5. Kos-kos langsung mudah dikenalpasti kepada sebuah projek penyelidikan tertentu contohnya, jika seorang penyelidik harus membeli bahan kimia untuk percubaan tertentu, maka itu jelas merupakan kos langsung. Sebaliknya penggunaan tenaga elektrik, air, dan utiliti lain biasanya tidak dikhususkan secara langsung kerana tidak praktikal contohnya dengan memasang setiap meter di setiap ruang penyelidikan yang digunakan untuk mengenalpasti secara khusus berapakah kos elektrik yang digunakan.

4. Adakah universiti membuat keuntungan dalam polisi ini?

4.1. Universiti tidak membuat keuntungan hasil daripada polisi ini. Jumlah kos operasian dan pembangunan universiti adalah jauh lebih besar jika dibandingkan dengan jangkaan hasil yang diperolehi daripada pengenaan kos tak langsung ini.

5. Amalan Universiti Penyelidikan terkemuka dunia.

5.1. Daripada pencarian maklumat yang dibuat menunjukkan agensi penyelidikan terkemuka telah lama memperkenalkan polisi ini. Jadual dibawah menunjukkan kadar Kos Pentadbiran dan Fasiliti di 18 agensi penyelidikan terkemuka dunia dalam tahun 2008.

Agensi	Kadar
Harvard	71.0
MIT	67.0
Yale	65.0
Johns Hopkins	64.0
Cornell	59.0
Stanford	58.0
U Washington	56.0
U of Illinois	55.0
UCLA	54.5
UC San Diego	54.5
Chicago	53.5
UC Davis	52.0
UC Berkeley	52.0
UC Santa Barbara	51.5
U Maryland	50.0
UC Riverside	50.0
U Minnesota	49.5
U Wisconsin	47.0

6. Pengagihan hasil kos tak langsung?

6.1. Universiti telah bersetuju supaya hasil kos tak langsung diagihkan mengikut pecahan berikut:

- Universiti 50 %
- Dana Endowmen Penyelidikan 20 %
- Tabung Ko-Kurikulum Fakulti 30%

7. Kaedah Pengiraan Kos Tak Langsung/Overhead kos.

7.1. Pengenaan kos tak langsung kepada projek penyelidikan dan aktiviti perniagaan adalah seperti berikut:-

- Projek penyelidikan 15 %
- Projek penyelidikan kontrak 30%

7.2. Pengiraan kos tak langsung adalah berdasarkan kepada peratusan daripada jumlah kos langsung, contoh pengiraan adalah seperti berikut.

	JENIS PERBELANJAAN	KOS (RM)
A.	PENGGAJIAN	
	- Gaji Pembantu Penyelidik (RM2,000 @ 2 tahun)	24,000
B.	BEKALAN/BAHAN PENYELIDIKAN	
	- Bahan Kimia	50,000
	- Perkhidmatan Pakar	100,000
C.	ASET/PERALATAN	
	- Alat Penyelidikan	250,000
D	Kos Overhead	127,200
	JUMLAH	551,200


Kos Langsung (A+B+C)	424,000
Kos Overhead/Kos tak langsung (424,000 x 30%)	127,200
Jumlah	551,200

8. Tanggungjawab Penyelidik.

8.1. Universiti telah membuat pelaburan dalam membangunkan keupayaan penyelidikan dan penyelidik merupakan aset penting universiti, sudah sampai masa penyelidik perlu menyumbang dalam pembangunan universiti.

8.2. Bagi mendapatkan semula kos/pelaburan yang telah dibuat oleh universiti, penyelidik dan pihak pengurusan Fakulti/Institut/pusat yang berkaitan adalah dipertanggungjawabkan dalam memastikan kos tak langsung diambilkira semasa berunding dengan pembiaya dana.

Yang menjalankan tugas,


(MOHD ABD RASHID MOHD FADZIL)
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

S.K.

- ~ *Naib Canselor*
- ~ *Timbalan-Timbalan Naib Canselor*
- ~ *Pendaftar*
- ~ *Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumenasi*
- ~ *Ketua, Unit Audit Dalam*